

TIONG GAJAH
Indian Roller

FAMILI: Coraciidae
NAMA SAINTIFIK: *Coracias benghalensis*

CIRI-CIRI

Individu dewasa sub-spesies *C.b.affinis* mempunyai bulu ekor bahagian luar dan sayap berwarna biru keunguan gelap dan biru kehijauan lembut. Semasa bertenggek, dari jauh ianya kelihatan kecoklatan tetapi mempunyai bahagian atas kepala biru kehijauan (lebih pudar dan gelap di bahagian tengah). Bahagian atas badan berwarna hijau zaitun. Bahagian punggung pula berwarna biru keunguan gelap. Bahagian tongkeng dan bulu pahat ekor biru kehijauan lembut. Bahagian tepi kepala dan bahagian bawah badan berwarna coklat. Tekak dan bawah perut berwarna ungu lembut manakala paruh kehitaman. Individu juvenil pula mempunyai bahagian atas badan yang lebih coklat, termasuk dahi dan bahagian tengah atas kepala. Bahagian tepi kepala dan tekak lebih pudar dan lebih coklat dengan jalur putih. Dada dan perut juga lebih pudar dan lebih coklat. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 31.5-34.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga, reptilia dan haiwan lain yang bersaiz kecil.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan terbuka, kawasan separa gurun, pertanian, belukar di persisiran pantai dan kawasan bandar sehingga ke ketinggian 1,525m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *kyak* yang kasar.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna putih berkilat. Sarangnya berbentuk lapisan nipis yang dibina pada lubang pokok yang telah mati, puncak palma atau bangunan. Kadangkala, spesies ini tidak mempunyai sarang atau menggunakan sarang yang telah ditinggalkan oleh burung lain.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.